

**TEKS UCAPAN  
YAB DATUK SERI HAJI MOHD ALI BIN MOHD RUSTAM  
KETUA MENTERI MELAKA  
SEMPENA  
MAJLIS PERASMIAN PERSIDANGAN PENGETUA-PENGETUA  
MAAHAD TAHFIZ AL-QURAN NEGERI PERINGKAT  
KEBANGSAAN KALI KE -19  
PADA HARI SELASA, 27 OKTOBER 2009, JAM 8.00 MALAM  
DI PUTERI RESORT, MELAKA  
WAKIL: DATUK HAJI YAAKUB BIN MD.AMIN**

---

( 2 )

**BISMILLAHIRAHMANIRAHIM,  
ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH.**

**YANG BERUSAHA PENGACARA MAJLIS**

**Y.BHG. UST. OTHMAN BIN MUSTAPHA,  
TIMBALAN KETUA PENGARAH (OPERASI) JABATAN  
KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA;**

**Y.BHG PROF. EMERITUS DATUK WIRA MOHD YUSOFF BIN  
HAJI HASHIM,  
NAIB CANSELOR KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MELAKA;**

**Y.BHG. DR. BAHARUDIN BIN HAJI PUTEH,  
TIMBALAN NAIB CANSELOR KOLEJ UNIVERSITI ISLAM  
MELAKA;**

**UST.CHE IBRAHIM BIN CHE MAN,  
PENGARAH DARUL QURAN –JAKIM;**

( 3 )

**WAKIL TIMBALAN Pengerusi Majlis Agama Islam  
Melaka,**

**Wakil Mufti Kerajaan Negeri Melaka,**

**Para Pengetua MAAHAD Tahfiz Seluruh Malaysia**

**Para Pensyarah Kuim dan Tuan-tuan serta Puan-puan  
yang Dirahmati Allah S.W.T**

**1. BERSYUKUR KE HADRAT ALLAH S.W.T KERANA  
DENGAN LIMPAN INAYAHNYA DAPATLAH KITA BERSAMA-  
SAMA BERHIMPUN DALAM MAJLIS ILMU INI PADA MALAM  
YANG BERBAHAGIA INI. TERIMALAH SALAM TAKZIM DARI  
YAB DATUK SERI HAJI MOHD ALI BIN MOHD RUSTAM, KETUA**

( 4 )

**MENTERI MELAKA, YANG TIDAK DAPAT BERSAMA-SAMA KITA PADA MALAM INI KERANA TERLEBIH DAHULU TELAH MEMPUNYAI KETENTUAN YANG TIDAK DAPAT DIELAKKAN. UNTUK MENYEMPURNAKAN MAJLIS INI SAYA TELAH DIMINTA OLEH BELIAU UNTUK MENYAMPAIKAN UCAPAN KEPADA TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN. BELIAU MENDOAKAN AGAR PERSIDANGAN PENGETUA-PENGETUA MAAHAD TAHFIZ INI AKAN MEMANTAPKAN MAAHAD TAHFIZ SELURUH MALAYSIA DAN MELAHIRKAN HUFAZ YANG PROFESSIONAL PADA MASA YANG AKAN DATANG. IZINKAN SAYA MEMBACA TEKS UCAPAN BELIAU.**

**TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN,**

( 5 )

**2. SAYA MENGUCAPKAN SELAMAT DATANG KEPADA SEMUA PENGETUA-PENGETUA MAAHAD TAHFIZ AL-QURAN KE BUMI HANG TUAH INI DENGAN SERANGKAP PANTUN UNTUK TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN:-**

**KAPAL DAGANG DARI SEBERANG,  
SARAT MUATAN KAYU MERANTI;  
DARI JAUH TUAN/PUAN DATANG,  
KAMI DI MELAKA SETIA MENANTI.**

**3. SAYA MENGUCAPKAN TERIMA KASIH KEPADA JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA KERANA PADA TAHUN INI MERUPAKAN GILIRAN MELAKA MENJADI TUAN**

( 6 )

**RUMAH KEPADA PERSIDANGAN PENGETUA-PENGETUA  
MAAHAD TAHFIZ AL-QURAN PERINGKAT KEBANGSAAN KALI  
KE 19 MELALUI PENGANJURAN KOLEJ UNIVERSITI ISLAM  
MELAKA. SAYA MENGUCAPKAN SYABAS DAN TAHNIAH  
KEPADA JAWATANKUASA PENGELOLA KUIM YANG  
BERTUNGKUS-LUMUS MEREALISASIKAN MAJLIS ILMU INI.  
BESARLAH HARAPAN SAYA AGAR MAJLIS ILMU  
MEMBUAHKAN IDEA-IDEA YANG BERNAS DAN DISUSULI  
DENGAN TINDAKAN UNTUK KESEJAHTERAAN UMAT ISLAM  
MALAYSIA.**

( 7 )

Memperkasakan Maahad Tahfiz Seluruh Malaysia

**PARA HADIRIN SEKALIAN**

**4. MEMPERKASAKAN MAAHAD TAHFIZ SELURUH MALAYSIA MERUPAKAN AGENDA PENTING DALAM MAJLIS ILMU INI. INI BERTUJUAN AGAR SEGALA PERANCANGAN DAN AKTIVITI BERKAITAN DENGAN PENGELUARAN PARA HUFFAZ YANG DINAMIK DAN BERDAYA SAING MENGIKUT KEPERLUAN NEGARA PERLU DILAKSANAKAN DENGAN TELITI AGAR MATLAMAT UTAMA MAAHAD TAHFIZ DAPAT DICAPAI. KITA HARUS SEDAR BAHAWA PEMEGANG DIPLOMA TAHFIZ AL-QURAN INI LAYAK MASUK KE MANA-MANA SEKTOR**

( 8 )

**KERAJAAN ATAU SWASTA SAMA ADA SEBAGAI PEGAWAI HAL-EHWAL ISLAM ATAU PENDIDIK ATAU PENDAKWAH ATAU IMAM ATAU LAIN-LAIN BIDANG YANG MEMERLUKAN TAHAP PROFESIONALISME YANG TINGGI.**

**5. MAKA PADA HARI INI KITA BERKUMPUL UNTUK MENCAPAI KATA SEPAKAT UNTUK MELAHIRKAN PARA HUFAZ YANG BERWIBAWA DAN MEMPUNYAI PERSONALITI YANG TINGGI. INI ADALAH TANGGUNGJAWAB YANG BERAT YANG PERLU DIGALAS OLEH SETIAP MAAHAD TAHFIZ SELURUH MALAYSIA TERMASUKLAH KUIM.**

( 9 )

**6. SELAIN ITU, KERAJAAN NEGERI BERHASRAT UNTUK MELAHIRKAN LEBIH RAMAI GOLONGAN HAFIZ DI NEGERI MELAKA DENGAN SETIAP DUN NEGERI MELAKA AKAN ADA SEORANG HAFIZ. INI AMATLAH PENTING BAGI MEMASTIKAN UMAT ISLAM TIDAK MENYIMPANG JAUH DARI LANDASAN AJARAN ISLAM YANG SEBENARNYA.**

*Kuim Menjadi Pusat Tahfiz Bagi Negeri Melaka*

**PARA HADIRIN YANG DIMULIAKAN,**

**7. MAKA KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MELAKA JUGA MERUPAKAN PUSAT TAHFIZ BAGI PELAJAR TAHFIZ DI**

( 10 )

NEGERI MELAKA DAN JUGA PELAJAR LUAR MELAKA DAN ANTARABANGSA. HANYA DI KUIM SAHAJA YANG MENAWARKAN DIPLOMA TAHFIZ AL-QURAN DARI JAKIM DI NEGERI MELAKA. DI KUIM PELBAGAI KEMUDAHAN PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN DISEDIAKAN DI SAMPING SUASANA PEMBELAJARAN YANG KONDUSIF DISOKONG OLEH PARA PENSYARAH YANG BERPENGALAMAN DAN JUGA BEKAS PELAJAR MAAHAD TAHFIZ NEGERI DAN DARUL QURAN.

8. KERAJAAN NEGERI SEMEMANGNYA TELAH MENYEDIAKAN TEMPAT YANG TERBAIK UNTUK PELAJAR-PELAJAR TAHFIZ AL-QURAN DI SAMPING MEMBERIKAN

( 11 )

**SUMBANGAN KEPADA MEREKA. HASILNYA SERAMAI 15 ORANG HUFAZ LEPASAN KUIM TELAH BERJAYA MENYAMBUNG PENGAJIAN MEREKA DI MAAHAD QIRAAT, UNIVERSITI AL-AZHAR, MESIR DALAM BIDANG PENGAJIAN AL-QURAN. KINI MEREKA TELAH KEMBALI KE MALAYSIA DAN BERKHIDMAT DENGAN PELBAGAI JABATAN DI MELAKA.**

**9. SAYA YAKIN DENGAN SISTEM PEMBELAJARAN TAHFIZ DI KUIM YANG BERINTERGRASI MERUJUK KEPADA KESEPADUAN KURIKULUM TAHFIZ DENGAN KURIKULUM DINNIYAH, AKADEMIK DAN PROGRAM KO-KURIKULUM DAPAT MENYEDIAKAN ASAS KE ARAH MELAHIRKAN CIRI-CIRI**

( 12 )

**MUSLIMAH MASA DEPAN MELALUI KONSEP PENDIDIKAN  
IAITU:-**

- A) MEMBUDAYAKAN PENGHAYATAN AL-QURAN DALAM KEHIDUPAN SEHARIAN MELALUI HAFAZAN, PEMAHAMAN, PENGUASAAN BAHASA ARAB DAN PENGISIAN ILMU DINNIYAH SERTA PENGAJIAN AKADEMIK YANG LAIN;**
- B) MEMENTINGKAN PERKEMBANGAN SAHSIAH MELALUI PEMUPUKAN SIKAP POSITIF DAN PENGISIAN PROGRAM KO-KURIKULUM;**
- C) MENCERNAKAN CIRI INSAN YANG BERKUALITI DALAM ASPEK ILMU UKHRAWI DAN DUNIAWI DENGAN**

( 13 )

**MENEKANKAN SIKAP KETERBUKAAN MINDA, BERDIKARI, MENANAM KUALITI KEPIMPINAN , SOFT SKILLS, *INTERPERSONAL COMMUNICATION* DAN TOLERANSI;**

**D) MEMBERI PENDEDAHAN KEPADA MULTI BUDAYA, MULTI BAHASA DAN CIRI ANTARABANGSA MELALUI PENGANTARANGSAAN PELAJAR.**

**10. DI SAMPING ITU, KERAJAAN NEGERI JUGA MENEKANKAN KEPADA SUB-SEKTOR PELANCONGAN PENDIDIKAN DENGAN MENJADIKAN KUIM SEBAGAI HAB PENDIDIKAN DI UTARA MELAKA DENGAN MENAWARKAN PELBAGAI BIDANG PENGAJIAN KHASNYA PENGAJIAN AL-**

( 14 )

**QURAN. PROGRAM DIPLOMA INI TELAH MENDAPAT TEMPAT DARI PELAJAR LUAR MELAKA DAN PELAJAR ANTARABANGSA.**

*Pengajian Al-Quran Terus Mendapat Dalam Masyarakat*

**PARA HADIRIN SEKALIAN**

**11. PENGAJIAN AL-QURAN TERUS MENDAPAT TEMPAT DI HATI MASYARAKAT HARI INI. MENYEDARI BETAPA PERLUNYA PERANAN PROFESIONAL-PROFESIONAL ISLAM MEMBANGUNKAN NEGARA DAN UMMAH MENGIKUT “ACUAN KITA SENDIRI” SEPERTIMANA YANG SERINGKALI**

( 15 )

**DIINGATKAN OLEH PUCUK PIMPINAN NEGARA, MAKA  
TERCETUS IDEA DIKALANGAN KITA AKAN PERLUNYA  
DIINTEGRASIKAN ILMU DALAM BIDANG-BIDANG  
PROFESIONAL SEPERTI KEJURUTERAAN, EKONOMI,  
KEWANGAN DAN SAINS DENGAN ILMU-ILMU ISLAM,  
KHUSUSNYA AL-QURAN**

**12. SAYA AMAT PERCAYA BERBEKALKAN DENGAN  
DISIPLIN DAN NILAI-NILAI MORAL YANG TINGGI OLEH PARA  
HUFFAZ MAMPU MENJADI MODEL KEPADA MASYARAKAT.  
SEORANG HAFIZ YANG MEMILIKI NILAI-NILAI MORAL YANG  
POSITIF DITAMBAH PULA DENGAN PENGETAHUAN DAN  
BERKEBOLEHAN DALAM BIDANG SAINS DAN TEKNOLOGI**

( 16 )

**YANG MENJADI KEBANGGAAN MASYARAKAT HARI INI, SUDAH TENTU AKAN MENDAPAT PENGHORMATAN YANG LEBIH TINGGI DALAM MASYARAKAT. ALLAH S.W.T AKAN MEMBERI GANJARAN YANG TIDAK TERHINGGA DI ATAS KEIKHLASAN TUAN-TUAN DAN PUAN- PUAN MEMBIMBING PARA HUFAZ DALAM MEMBERI SUMBANGAN KEPADA AGAMA, MASYARAKAT DAN NEGARA.**

**13. MALAHAN, KERAJAAN NEGERI MELAKA MELALUI MAJLIS AGAMA ISLAM MELAKA TELAH MENGUMPULKAN PARA HAFIZ DI NEGERI MELAKA DAN MEMBERI MEREKA SUMBANGAN PERMULAAN SEBANYAK RM 100.00 SEBULAN.**

( 17 )

**SUMBANGAN INI SEBAGAI MENGHARGAI JASA MEREKA  
UNTUK MENJAGA AL-QURAN.**

*Menyemarakkan Semangat Kekitaan*

**TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKELIAN,**

**14. DENGAN KEADAAN UMAT ISLAM SELURUH DUNIA  
MENGALAMI MUSIBAH , PEPERANGAN, DILANDA BENCANA  
ALAM DAN PENYAKIT TELAH MELUMPUHKAN SEMANGAT  
KEKITAAN UMAT ISLAM SEJAGAT. MAKA KITA PERLU  
KEMBALIKAN KEGEMILANGAN UMAT ISLAM DENGAN  
MERUJUK KITAB AL-QURAN SECARA PENGAJIAN AL-QURAN**

( 18 )

**YANG FORMAL SEPERTI DI MALAYSIA KINI UNTUK MENGATASI SEGALA KEROSAKAN HARTA BENDA DAN ROHANI UMAT ISLAM. JUSTERU ITU, LANGKAH AWAL UNTUK MENGGEMBALIKAN SEMULA SEMANGAT KEKITAAN INI, KITA MENYERU SEMUA PEMIMPIN DUNIA ISLAM YANG BERPEGANG KEPADA APA YANG DISERU OLEH BAGINDA AR-RASUL S.A.W. DALAM KHUTBAH WADA' YANG MERUPAKAN FORMULA ILLAHI UNTUK UMATNYA MENERUSKAN PERANAN KEKHALIFAHANNYA;**

**15. "MAKA PERHATIKANLAH PERKATAANKU ITU, WAHAI MANUSIA, SESUNGGUHNYA TELAH AKU SAMPAIKAN. AKU TINGGALKAN SESUATU KEPADA KAMU, YANG JIKA KAMU**

( 19 )

**PEGANG TEGUH, KAMU TIDAK AKAN TERSESAT SELAMA-LAMANYA, IAITU; KITABULLAH DAN SUNNAH NABI-NYA.”**

**(SIRAH NABAWIYYAH, AL-BUTI, MS 435).**

**IBN KHALDUN (1332-1406) DALAM KITAB AGUNGNYA MUKADIMAH MENEKANKAN KEPENTINGAN SEMANGAT KEKITAAN SEBAGAI PRASYARAT UNTUK BANGUN SEBAGAI SUATU BANGSA YANG KUAT DAN BERPENGARUH. KATANYA:**

**“ KUASA RAJA DAN KEKUASAAN SESEBUAH DINASTI SECARA MELUAS HANYA BOLEH DITEGAKKAN MELALUI**

( 20 )

**USAHA SESUATU KUMPULAN DAN PERASAAN KEKITAAN.  
(MUKADIMAH, HAL. 138).**

**16. AKIBAT BADAI GLOBALISASI YANG MELANDA DUNIA PADA HARI INI, DUNIA ISLAM MENDERITAI PERPECAHAN YANG PARAH. SEMANGAT KEKITAAN YANG BERDASARKAN PERSAUDARAAN ISLAM (UKHUWWAH ISLAMIYYAH) SEMAKIN LUMPUH. PERTUBUHAN NEGARA-NEGARA ISLAM (OIC) YANG ANTARA TUJUANNYA UNTUK MENYATUKAN UMAT, TELAH MEROSOT PERANANNYA SEKADAR TEMPAT MELUAHKAN PERASAAN, MELEPASKAN GERAM DAN MARAH TANPA BERKEMAMPUAN UNTUK BERTINDAK MEMBELA NASIB UMAT**

( 21 )

**YANG**

**MENDERITA.**

**17. AKHBAR S. AHMAD MENYATAKAN 10 SEBAB MENGAPA SEMANGAT KEKITAAN HAMPIR LUMPUH DI BATANG TUBUH UMAT ISLAM:**

- a) **PROSES URBANISASI ATAU PERBANDARAN YANG TERLALU CEPAT DAN TIDAK TERANCANG;**
- b) **PERUBAHAN DEMOGRAFI YANG DRAMATIK AKIBAT LEDAKAN PERTAMBAHAN PENDUDUK;**
- c) **PEMERINTAH YANG LEMAH, ZALIM DAN AUTOKRATIK;**
- d) **KADAR PENGHIJRAHAN YANG BESAR KE DUNIA BARAT;**
- e) **JURANG MISKIN-KAYA SEMAKIN MELEBAR;**

( 22 )

- f) **JENAYAH RASUAH TAK TERBENDUNG;**
- g) **BUDAYA MATERIALISME MENGGANTIKAN AGAMA DAN ADAT RESAM;**
- h) **KUALITI PENDIDIKAN SEMAKIN MEROSOT;**
- i) **KRISIS IDENTITI YANG PARAH ANTARA ELIT DAN MASSA;**
- j) **BUDAYA HEDONISTIK YANG SUBUR AKIBAT PENYIARAN MEDIA YANG TIDAK TERKAWAL;**

**TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN,**

Konsep Satu Malaysia

18. SECARA HOLISTIKNYA, YAB PERDANA MENTERI KITA TELAH MENGGARISKAN GAGASAN SATU MALAYSIA UNTUK MENAMBAHBAIK LAGI SEMANGAT KEKITAAN SESAMA UMAT ISLAM DAN BANGSA LAIN AGAR KITA SEMUA DAPAT HIDUP DALAM KEADAAN HARMONIS. MAKA PERANAN TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN UNTUK MENYEDIAKAN PUSAT PENGAJIAN ILMU ISLAM YANG TERBAIK UNTUK GENERASI MUDA HARI INI AGAR SAMA ADA UMAT ISLAM ATAU BANGSA LAIN BOLEH MEMPELAJARI PENGAJIAN AL-QURAN DAN AS-SUNNAH DAN MENJADIKAN MAAHAD TAHFIZ INI SEBAGAI TEMPAT

( 24 )

**RUJUKAN ILMU PENGETAHUAN ISLAM YANG SYUMUL DAN AGUNG.**

**19. KITA PERLU BERFIKIRAN DI LUAR KOTAK DAN BERPANDANGAN JAUH KE HADAPAN BAHAWA PADA MASA AKAN DATANG SEMUA MAAHAD TAHFIZ MENJADI PUSAT RUJUKAN ILMU SEPERTI MANA UNIVERSITI TERKEMUKA DUNIA SEPERTI UNIVERSITI AL-AZHAR.**

*Cabaran Maahad Tahfiz*

**20. CABARAN MENJADIKAN MAAHAD TAHFIZ SEBAGAI PUSAT PENGAJIAN DI DALAM BIDANG KEILMUAN AMAT**

( 25 )

**MENDESAK SEKALI PADA MASA KINI. INI KERANA MASYARAKAT ISLAM HARI INI SEDANG BERDEPAN DENGAN CABARAN *ISLAMOPHOBIA* ATAU GEJALA RASA TAKUT TERHADAP SEBARANG UNSUR DAN PENGARUH YANG BERLATARKAN ISLAM. SEBAGAI SEBUAH ORGANISASI ILMU, KITA PERLU KE DEPAN MENGEMUKAN BUAH FIKIRAN BARU BERASASKAN DASAR-DASAR KEILMUAN YANG SAHIF KEPADA MASYARAKAT TERBANYAK SUPAYA SALAH FAHAM TERHADAP AGAMA ISLAM DAPAT KITA ATASI.**

**21. DALAM MASA YANG SAMA, KITA BOLEH MEWUJUDKAN PERASAAN BANGGA DI DALAM HATI DAN PERASAAN UMAT ISLAM APABILA MEREKA BERGELAR**

( 26 )

**SEBAGAI SEORANG MUSLIM. WATAK KEISLAMAN YANG MENCINTAI KEAMANAN DAN KEJAHTERAAN AKAN DAPAT DILAHIRKAN MENERUSI PROSES PENGUKUHAN ILMU PENGETAHUAN YANG BERTUNJANGKAN DASAR-DASAR KEFAHAMAN AGAMA YANG SYUMUL ATAU BERSEPADU.**

*Penutup*

**22. AKHIR KATA, BESARLAH HARAPAN SAYA AGAR PERSIDANGAN INI AKAN MEMBAWA RESOLUSI BARU UNTUK MEMANTAPKAN MAAHAD TAHFIZ SELURUH MALAYSIA DAN MEMBERI NAFAS BARU UNTUK PENGAJIAN AL-QURAN BAGI MELAHIRKAN LEBIH RAMAI HUFFAZ YANG PROFESIONAL**

( 27 )

**PADA MASA AKAN DATANG DALAM PEMBANGUNAN NEGARA  
DARI PELBAGAI ASPEK SOSIAL, EKONOMI DAN POLITIK.**

**23. DENGAN LAFAZ BISMILLAHIRAHMANIRAHIM SAYA  
MEWAKILI YAB DATUK SERI KETUA MENTERI, DENGAN  
SUKACITANYA MERASMIKAN MAJLIS PERASMIAN  
PERSIDANGAN PENGETUA-PENGETUA MAAHAD TAHFIZ AL-  
QURAN NEGERI PERINGKAT KEBANGSAAN KALI KE 19.**

**WABILHITAUFIK WALHIDAYAH WASSALAMUALAIKUM  
WARAHMATUHI WABARAKATUH.**